

TARIKH : 27/1/2023

SURAT KHABAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 15

## Peniaga didakwa tipu RM1.12 juta

*Sinar Harian - m/s 15 27/1/2023*

**MELAKA** - Seorang ahli perniagaan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini, pada Khamis atas tiga pertuduhan mengemukakan dokumen palsu bagi menuntut insentif Program Penjana Kerjaya, Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), sebanyak RM1.12 juta.

Tertuduh, Mohd Eszahar Mansor, 38, bagaimanapun membuat pengakuan tidak bersalah, selepas kesemua pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Elesabet Paya Wan.

Mengikut pertuduhan, Mohd. Eszahar didakwa memperdayakan Perkeso dengan mengemukakan dokumen mengandungi



**Mohd Eszahar (tengah) dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen di Melaka pada Khamis.**

pernyataan palsu dalam borang Pengesahan Pekerja Program Insentif berjumlah RM1,123,030 di bawah Penjana 1.0 dan Penjana 2.0.

Dia didakwa mengemukakan 103 nama

pekerja baharu dalam dokumen berkenaan sedangkan nama tersebut bukan pekerja syarikatnya.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM30,000 dan menetapkan 10 Februari ini tarikh sebutan semula kes.

## Dua peniaga dituduh kemuka tuntutan palsu Program Penjana Kerjaya

**KUANTAN** - Dua peniaga dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini pada Khamis atas dua pertuduhan mengemukakan tuntutan palsu bagi menuntut insentif Program Penjana Kerjaya 1.0 Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) berjumlah RM43,600 pada Oktober 2020.

Tertuduh, Arabath Ali Arul Alavudeen, 36 dan Mohmmmed Ismail R P Mohamed Ibrahim, 62, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan meminta dibicarakan.

Kedua-dua pertuduhan dikemukakan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Rifah Izzati Abdul Mutalif di hadapan Hakim Datuk Ahmad Zamzani Mohd Zain.

Berdasarkan pertuduhan pertama, kedua-dua tertuduh didakwa secara

bersama mengemukakan permohonan secara dalam talian insentif pengambilan pekerja melalui Program Penjana Kerjaya 1.0 berjumlah RM27,200.

Dalam permohonan itu, tertuduh didakwa mengemukakan senarai nama 17 pekerja Is Catering Sdn Bhd sedangkan pekerja tersebut tidak pernah memohon untuk bekerja di syarikat berkenaan.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh secara bersama didakwa mengemukakan permohonan sama bagi mendapatkan bayaran sebanyak RM16,400 melalui insentif itu dengan mengemukakan 10 senarai nama pekerja yang sebenarnya bukan pekerja di syarikat itu.

Mahkamah menetapkan 27 Februari ini sebagai tarikh sebutan semula kes tersebut.